



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 68  
No. 5

**2hb Mac 2015**

*TAMBAHAN*  
*No. 2*

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 819.**

(Seksyen 175D)

NOTIS BAHAWA DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA  
ADALAH TERBUKA UNTUK DIPERIKSA

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara mengenai tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Bahagian Pengurusan Tanah, Tingkat Terbawah, Bangunan Sultan Salahuddin dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL

Daerah—Sepang. Mukim—Dengkil. No. Lot—0005054. Perihal dan No. Hakmilik—Geran 319710. Luas—2.42 hektar. Tuanpunya Berdaftar—R.E.A. & Chumberbatch Limited.

Bertarikh 12 November 2014  
[PTG/BPT/Sel. 3A/4/2013]

*Pendaftar Hakmilik Tanah*  
*Selangor*

**No. 820.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Hisham bin Zulkifli, Pentadbir Tanah Gombak, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 12 Mac 2015 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Daerah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM 16 Jalan Rawang, Persiaran Pegawai, 68100 Bandar Baru Selayang, Selangor; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM1,100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Seratus Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah H/Loan RM647,535.20. Nama Pemegang Gadaian: Alliance Bank Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM110,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Sepuluh Ribu sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 11 Julai 2015 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar—Ulu Kelang. No. Lot/P.T.—18979. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3201. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 782/2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 23 Februari 2015  
[PTDG. 15/84/2014 (44)]

*Pentadbir Tanah*  
*Gombak*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA